



**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Telefon: 03-88832533  
Fax : 03-88895245

Rujukan : KKM300-75/1/5/5 Jld.3(3)  
Tarikh : 18 Mei 2011

Semua Setiausaha Bahagian  
Semua Pengarah Bahagian  
Semua Pengarah Kesihatan Negeri / Hospital / Institusi

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL. 4/2011  
PERATURAN DAN KADAR BARU ELAUN JAHIT PAKAIAN SERAGAM BAGI  
PENJAWAT AWAM DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011 mengenai Peraturan dan Kadar Bekalan Pakaian Seragam, dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bersetuju supaya penjawat awam di KKM yang dikehendaki berpakaian seragam dan dibekalkan kain pakaian seragam, layak menuntut bayaran balik bagi bayaran upah jahit atas kadar tidak melebihi kadar-kadar maksimum seperti berikut:

Bil.	Jenis Pakaian	Kadar Maksimum
1.	Baju Lengan Panjang / Pendek	RM 100
2.	Sehelai Seluar Panjang	RM 130
3.	Sepasang Baju Kurung Wanita	RM 120
4.	Overall	RM 150
5.	Overcoat	RM 100

3. Bayaran balik upah jahit berkenaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i) Tuntutan hendaklah dibuat dengan menggunakan resit asal;
- ii) Salinan resit tidak diterima;
- iii) Tuntutan hendaklah dibuat dalam tahun semasa; dan
- iv) Tuntutan hendaklah tidak melebihi kadar maksimum yang ditetapkan. Upah jahit yang melebihi kadar maksimum hendaklah ditanggung sendiri oleh penjawat awam.

4. Sungguhpun kadar maksimum yang dinyatakan dalam **Para 2** dipersetujui, setiap Ketua PTJ hendaklah mengingatkan penjawat awam yang berkenaan supaya memperolehi perkhidmatan jahitan pakaian seragam pada harga yang berpatutan dan munasabah, dan berdasarkan kadar pasaran. Ketua PTJ hendaklah menyediakan peruntukan yang mencukupi di bawah OS15000 bagi menampung perbelanjaan tuntutan bayaran balik upah jahit ini. Tuntutan bayaran balik upah jahit yang dibuat hendaklah bagi bayaran upah jahit sebenar yang telah dibayar oleh mereka bagi perkhidmatan tersebut dengan mengemukakan resit asal.

5. Sehubungan dengan itu, kadar upah jahit yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Dalaman KKM Bil. KKM75/T/730 Bhg.8(31) bertarikh 31 Disember 2004 - Kadar Baru Elaun Jahit Pakaian Seragam Bagi Anggota-Anggota Di Kementerian Kesihatan Malaysia adalah dibatalkan. Walaubagaimanapun, lain-lain perkara dan ketetapan dalam Surat Pekeliling tersebut seperti jenis reka bentuk, bilangan pakaian seragam yang dibekalkan, warna dan jenis kain pakaian seragam masih berkuatkuasa.

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

  
( DATUK KAMARUL ZAMAN B MD ISA )

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia